


NewspaperSG

Sheik kecewa dua piala sumbangannya diketepikan

BERITA HARIAN, 23 August 2001, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL23265

Printer-Friendly Page

Sheik kecewa dua piala sumbangannya diketepikan

Penganjur keluarkan
empat anugerah baru

SILAT

OLEH YUSOFF A. RAHMAN

DUA piala pusingan yang didermakan oleh Sheik Alauddin Yaacob untuk Pesilat Pra-Remaja Terbaik dan Pesilat Harapan dalam Kejohanan Pencak Silat Junior yang berakhir Ahad lalu telah diketepikan.

Sebaliknya, Jawatankuasa Penganjur kejohanan itu telah mengeluarkan empat hadiah baru untuk Anugerah Pesilat Harapan — Pesilat Harapan Remaja Putra, Pesilat Harapan Remaja, Pesilat Harapan Pra-Remaja dan Pesilat Harapan Pra-Remaja.

Keputusan itu telah membuat Sheik yang juga Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi) begitu kecewa.

Ditanya tentang reaksinya setelah mengetahui dua piala pusingan yang didermakan pada 1999 dan 2000 telah diketepikan dalam kejohanan kali ini, Sheik berkata:

“Saya berasa begitu kecewa sekali dengan keputusan untuk tidak menggunakan

piala tersebut.

**“Saya juga merasa baha-
wa seandainya ada pihak-pi-
hak tertentu yang tidak suka .
kepada saya, maka itu bukan
satu alasan untuk tidak
menggunakan piala tersebut.**

**“Piala ini dikeluarkan de-
ngan tujuan murni untuk
meninggikan taraf pencak si-
lat di Singapura, bukan pula
dengan tujuan untuk menda-
patkan nama serta kebang-
gaan.”**

**Sheik, yang juga Penolo-
ng Setiausaha Agung Satu
Persisi, mendakwa bahawa
saranan untuk mengadakan
piala pusingan ini telah di-
persetujui oleh Jawatankua-
sa Pentadbir Persisi yang la-
lu.**

**“Jadi, tiada alasan kena-
pa mereka tidak mahu
menggunakan lagi apatah la-
gi perkara ini tidak dibin-
cangkan di dalam mana-ma-
na mesyuarat Persisi,” Sheik
menerangkan.**

**Dua pesilat nasional, Im-
ran Abdul Rahman dan Haf-
izah Ani, telah memenangi
piala pusingan ini untuk Pe-
silat Harapan 1999 dan 2000
dan Hidayat Isni untuk Pes-**

...ilal Pra-Remaja 2000.

Seorang anggota JKP, Mohd Khamin Said, yang dikatakan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, tidak dapat dihubungi petang semalam untuk mengulas duduk perkara ini.

Setiausaha Persisi, Jamaludin Jamil, yang dapat dihubungi semalam menjelaskan: "Jawatankuasa Penganjur telah memutuskan untuk menambah lebih banyak kategori anugerah agar lebih


banyak pesilat yang boleh menerima anugerah ini.

"Jika dulu diadakan dua anugerah tetapi kini ditambah menjadi empat."

Ditanya apakah yang akan terjadi kepada dua piala pusingan Sheik, beliau menambahkan: "Terpulang kepada Jawatankuasa Penganjur akan datang untuk menentukannya."

“Saya juga merasa bahawa seandainya ada pihak-pihak tertentu yang tidak suka kepada saya maka itu bukan satu alasan untuk tidak menggunakan piala tersebut. Piala ini dikeluarkan dengan tujuan murni untuk meninggikan taraf pencak silat di Singapura, bukan pula dengan tujuan untuk mendapatkan nama serta kebanggaan.”

— Sheik Alauddin Yaacob.





Diketepikan: Dua piala pusingan yang didermakan oleh Sheik Alauddin Yaacob tidak digunakan lagi dalam Kejohanan Pencak Silat Junior baru-baru ini.

FOTO: ZAINAL YAHYA